



MEI - OGOS
BIL : 2 / 2023
ISSN : 2232-1454



Sila Scan QR CODE
untuk muat turun
Buletin PPANS

BULETIN PPANS

PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI SEMBILAN

Selamat Datang dan Tahniiah

YB DATO' MOHD ZAFIR BIN IBRAHIM

SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SEMBILAN
MERANGKAP PENCERUSI PERBADANAN PERPUSTAKAAN
AWAM NEGERI SEMBILAN

Seluruh warga kerja Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan (PPANS) ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan tahniiah dan syabas kepada Yang Berhormat Dato' Mohd Zafir bin Ibrahim atas pelantikan sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan merangkap Pengerusi Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan Darul Khusus yang baharu bermula 6 Jun 2023.

Kami percaya dengan pengalaman, kredibiliti, dan komitmen yang dimiliki merupakan kelebihan kepada Yang Berhormat Dato' Mohd Zafir bin Ibrahim untuk bersama-sama dengan PPANS dalam usaha membangun dan memajukan PPANS secara menyeluruh sebagai jabatan yang menyampaikan ilmu dan menawarkan perkhidmatan perpustakaan kepada masyarakat.

Sesungguhnya jawatan yang disandang merupakan satu penghargaan serta amanah yang kami percaya akan dapat dilaksanakan dengan baik oleh Yang Berhormat Dato' selaku Pengerusi PPANS. Semoga PPANS akan terus maju di bawah kepimpinan Yang Berhormat Dato'.



Idea, Konsep Asal & Susunan : Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan

f Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan www.nslibrary.gov.my ppans@ns.gov.my

PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS
JALAN PERSIARAN S2 B2, SEREMBAN 2, 70300 SEREMBAN NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

Tel : 06-7635989 / 06-7621308 Fax : 06-7635944

Assalamualaikum wbt dan salam sejahtera.

Salam Malaysia MADANI,
Salam Negeri Sembilan,
Bersih . Muafakat . Sejahtera



Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan kehadiran Allah SWT kerana diberikan kesempatan menulis kata alu-aluan khas untuk Buletin PPANS Bil. 2/2023 ini. Sekalung tahniah diucapkan kepada barisan sidang redaksi kerana berjaya menerbitkan Buletin PPANS. Objektif Buletin PPANS ini dikeluarkan adalah bertujuan bagi mendokumenkan semua program dan aktiviti yang dijalankan oleh PPANS sepanjang tahun sekaligus mempromosikan kemudahan dan program PPANS kepada masyarakat.

Menjadi harapan PPANS, semoga keluaran buletin ini dapat mengubah persepsi masyarakat akan kepentingan perpustakaan awam sebagai pusat ilmu pengetahuan yang berguna kepada semua pihak. Perpustakaan pada hari ini bukan sahaja hanya membekalkan buku kepada pengguna, malah peranannya lebih daripada itu. Pelbagai bentuk perkhidmatan dan program yang meliputi setiap peringkat usia dianjurkan oleh perpustakaan untuk dimanfaatkan oleh masyarakat khususnya Negeri Sembilan.

Hajah Jamilah @ Chumila binti Haji Katis
Pengarah
Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan.

ISI KANDUNGAN	MS
SIDANG EDITORIAL PPANS	02
LENSA PENGARAH	03
DIREKTORI PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI SEMBILAN	04
BUKU TERKINI PPANS	05
MAJLIS JALINAN MESRA AIDILFITRI PPANS	06
PROMOSI JOM BACA 10 MINIT 2023 DAN DEKAD MEMBACA KEBANGSAAN	07-08
PROGRAM SAMBUTAN HARI ALAM SEKITAR	09
FESTIVAL BAHASA DAN SASTERA PERINGKAT NEGERI SEMBILAN	10-11
PESTA BUKU NEGERI SEMBILAN	12-15
WAGHIH MEMBACA	16-17
PEMIMPIN BERSAMA RAKYAT	18-20

PENAUNG

YB DATO' MOHD ZAFIR BIN IBRAHIM

Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan
Merangkap Pengerusi Perbadanan Perpustakaan Awam
Negeri Sembilan Darul Khusus

PENASIHAT

HAJAH JAMILAH @ CHUMILA BINTI HAJI KATIS

Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam
Negeri Sembilan Darul Khusus

KETUA PENGARANG

HAMDAN BIN HAJI NORDIN

Timbalan Pengarah
Perbadanan Perpustakaan Awam
Negeri Sembilan Darul Khusus

PENOLONG KETUA PENGARANG

SITI NORSARIZA BINTI MAT RASHID

Ketua Unit Korporat PPANS

GRUP BULETIN PPANS

Unit Korporat , PPANS
Unit Gerakan Membaca N.S
Unit Perolehan
Unit Media
Unit Teknologi & Komunikasi
Bahagian Pelanggan

PENGEDARAN DAN PROMOSI

YUSRIZAL BIN ANI

Unit Korporat PPANS

REKABENTUK & PERCETAKAN

PERCETAKAN CAHAYA MURNI

JURUFOTO

UNIT MEDIA PPANS



15 MEI 2023
MAJLIS JALINAN MESRA AIDILFITRI PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI SEMBILAN DI PERPUSTAKAAN NEGERI, SEREMBAN 2



18 MEI 2023
MAJLIS PELANCARAN JOM BACA BERSAMA 10 MINIT DAN DEKAD MEMBACA KEBANGSAAN DI CASA LEGENDA CONVENTION CENTRE SENAWANG, SEREMBAN



9 JUN 2023
MAJLIS PERASMIAN PERPATIH FEST DI MUZIUM NEGERI SEMBILAN, SEREMBAN



14 JUN 2023
FESTIVAL BAHASA DAN SASTERA PERINGKAT NEGERI SEMBILAN ANJURAN DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA (DBP) DENGAN KERJASAMA PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI SEMBILAN (PPANS)



26 JUN 2023
PROGRAM JALINAN KORPORAT (JKP) THE GREAT PSS AND MUSSOLA DI SEKOLAH KEBANGSAAN SENAWANG, SEREMBAN



27 JUN 2023
MAJLIS DIRGAHAYU DYMM TUNKU AMPUAN BESAR NEGERI SEMBILAN DI HIBISCUS GRAND BALLROOM, LEXIS HIBISCUS PORT DICKSON



5 JULAI 2023
MAJLIS PERASMIAN PESTA BUKU NEGERI SEMBILAN 2023 DI MYDIN MALL, SEREMBAN 2

PERPUSTAKAAN AWAM CAWANGAN



PERPUSTAKAAN AWAM CAWANGAN JEMPOL

- 📍 72120 Bandar Seri Jempol, Negeri Sembilan.
- ✉ Email: pac_jempol@nslibrary.gov.my
- ☎ No. Telefon : 06-458 5260



PERPUSTAKAAN AWAM CAWANGAN JELEBU

- 📍 71600 Kuala Klawang, Jelevu, Negeri Sembilan.
- ✉ Email: pac_jelevu@nslibrary.gov.my
- ☎ No. Telefon : 06-613 6175



PERPUSTAKAAN AWAM CAWANGAN P.DICKSON

- 📍 Lot 223, Jalan Baharu, Km 1, Jalan Pantai, 71000 Port Dickson, Negeri Sembilan.
- ✉ Email: pac_pd@nslibrary.gov.my
- ☎ No. Telefon : 06-647 7677



PERPUSTAKAAN AWAM CAWANGAN REMBAU

- 📍 Jalan Batu Hampar, 71300 Rembau, Negeri Sembilan.
- ✉ Email: pac_rembau@nslibrary.gov.my
- ☎ No. Telefon : 06-685 3302



PERPUSTAKAAN AWAM CAWANGAN K.PILAH

- 📍 Jalan Bukit, 72000 Kuala Pilah, Negeri Sembilan.
- ✉ Email: pac_kualapilah@nslibrary.gov.my
- ☎ No. Telefon : 06-481 1461



PERPUSTAKAAN AWAM CAWANGAN TAMPIN

- 📍 Jalan Kelab, 73000 Tampin, Negeri Sembilan
- ✉ Email: pac_tampin@nslibrary.gov.my
- ☎ No. Telefon : 06-441 1289



PERPUSTAKAAN AWAM CAWANGAN GEMAS

- 📍 Jalan Tok Sulong, 73400 Gemas, Negeri Sembilan
- ✉ Email: pacgemas@gmail.com
- ☎ No. Telefon : 07-9482725

PERPUSTAKAAN DESA

Perpustakaan Desa Legong Ulu
Kg. Legong Ulu, 71350 Kota, Rembau, Negeri Sembilan.
Email: desa_legongulu@nslibrary.gov.my
No. Telefon: 012-244 3067

Perpustakaan Desa Titian Akar
Kg. Titian Akar, 71150 Linggi, Negeri Sembilan.
Email: desa_titianakar@nslibrary.gov.my
No. Telefon: 06-696 6479

Perpustakaan Desa Kg. Rendah
Kg. Rendah Rembau, 71300 Rembau Negeri Sembilan.
Email: desa_kgrendah@nslibrary.gov.my
No. Telefon: 013-605 5781

Perpustakaan Desa Air Hitam
Kg. Baru Felcra Air Hitam, 72120 Bandar Seri Jempol, Negeri Sembilan.
Email: perpustakaanendesaaairhitam@gmail.com
No. Telefon: 06-4676099

Perpustakaan Desa Serting Hilir Kompleks
72120 Bandar Seri Jempol, Negeri Sembilan.
Email: pdsertinghilir@yahoo.com
No. Telefon: 06-4683024

Perpustakaan Desa Felca Palong 7
73470 Pusat Bandar Palong, Negeri Sembilan.
Email: pdfeldapalong7@gmail.com
No. Telefon: 06-4646697

Perpustakaan Desa Kg. Talang
Kg. Talang, 71500 Tanjung Ipoh, Negeri Sembilan.
Email: pdtalang1@gmail.com
No. Telefon: 011-20694430

Perpustakaan Desa Seri Menanti
Dewan Tuanku Ampuan Najihah Negeri Sembilan.
Email: sitihazidah@gmail.com
No. Telefon: 06-4970133

Perpustakaan Desa Simpang Pertang
d/a Balai Penghulu, 72300 Simpang Pertang, Jelevu, Negeri Sembilan.
Email: norliza.abuzaid@yahoo.com
No. Telefon: 06-4920073

Perpustakaan Desa Kg. Chennah
Kg. Chennah, 71650 Titi Jelevu, Negeri Sembilan.
Email: pdchennah@gmail.com
No. Telefon: 06-6111058

Perpustakaan Desa Air Kuning Selatan
73200 Gemenceh, Negeri Sembilan.
Email: pdaks.2001@gmail.com
No. Telefon: 06-447 8022

Perpustakaan Desa Jelai 4
Jelai 4, 73480 Gemas, Negeri Sembilan.
Email: pdj4.pact@gmail.com
No. Telefon: 06-434 8973

Perpustakaan Awam Pekan Mantin
Jalan Sekolah
71700 Mantin, Negeri Sembilan.
Email: hayatiismail1964@gmail.com
No. Telefon: 06-757 1315


Perpustakaan Awam Pekan Bahau
72100 Bahau, Negeri Sembilan.
Email: librarybahau@gmail.com
No. Telefon: 06-4542036

Perpustakaan Tan Sri Abdul Kadir Yusof
12 lot 15709, Tingkat bawah Jalan Bunga Raya 9, Pusat Perniagaan, 70400 Seremban, Negeri Sembilan
Email: ptp.abdulkadiryusuf.1@gmail.com
No. Telefon: 06-6791722

Perpustakaan Islam Masjid Negeri
Bangunan Masjid Negeri, Jalan Dato' Hamzah, 70000, Seremban.
Email: pinsmasjidnegeri@yahoo.com.my
No. Telefon: 011- 2323 2868



BUKU TERKINI DI PPANS



Judul : Muhammad Landasan Sunnah Melentur
 No. Panggilan : 297.63 MRO
 Bahagian : Pinjaman
 Harga : RM 27.00
 Penerbit : Rimbunan Islamik Media Sdn. Bhd
 Muka surat : 170 ms



Judul : Membongkar Misteri Yakjuj & Makjuj Makhluk Perosak Alam
 No. Panggilan : 297.216 SMS
 Bahagian : Pinjaman
 Harga : RM 38.90
 Penerbit : Hijjaz Record Publishing
 Muka surat : 261 ms



Judul : Pastry Love : A baker's journal of favorites recipes
 No. Panggilan : R 641.865 CHA
 Bahagian : Rujukan
 Harga : RM 176.00
 Penerbit : Houghton Mifflin Harcourt
 Muka surat : 444 ms



Judul : Amazing ANIMALS
 No. Panggilan : JF AMA
 Bahagian : Kanak- Kanak
 Harga : RM 21.90
 Penerbit : Igloo Books
 Muka surat : 8 ms



Judul : Unicorns and Faries
 No. Panggilan : JF UNI
 Bahagian : Kanak- Kanak
 Harga : RM 39.90
 Penerbit : Igloo Book Ltd
 Muka Surat : 10 ms

ULASAN BUKU

Judul : Membongkar Misteri Yakjuj & Makjuj Makhluk Perosak Alam

No. Panggilan : 297.216 SMS
 Bahagian : Bahagian Rujukan
 Harga : RM 38.90
 Penerbit : Hijjaz Record Publishing
 Muka Surat : 261 ms
 PENULIS : Syed Mahadzir Syed Ibrahim



SINOPSIS:

SEHINGGA kini , suku bangsa yang disebut sebagai Yakjuj dan Makjuj adalah bangsa Tartar dan Mongol, pasukan Gengiz Khan (Hulagu) sejenis makhluk aneh, haiwan, dan sebagainya. Dalam sebuah hadis yang dirwayatkan Al-Bukhari, Rasulullah SAW menyebutkan bahawa Yakjuj dan Makjuj itu memiliki fizikal berbadan bulat, bermata sepet, dan berkulit kuning. Kerana itu, lantas ada yang mengaitkannya dengan orang-orang berketurunan China, Korea, dan Mongolia. Konon, makhluk yang bernama Yakjuj dan Makjuj ini akan muncul menjelang hari kiamat nanti.

Dalam hadis yang diriwayatkan dari Zainab binti Jahsyi, isteri Nabi, Rasulullah SAW menyatakan , tembok yang dibina oleh Dzulkarnain telah berlubang sebesar telur ayam (Rasulullah SAW melengkungkan jari telunjuk dengan ibu jari tangan baginda). Kerana itu, umat manusia akan mengalami celaka kerana Yakjuj dan Makjuj ini berjaya menembusi tembok tersebut. Hadis ini diriwayatkan oleh Al-Bukhari, Muslim, dan Ahmad. Lalu, bagaimana dengan firman Allah SWT yang mengatakan bahawa tembok tersebut tidak dapat dilubangi? Apakah ini menunjukkan kerana begitu lamanya sehingga tembok yang dibuat dari besi dan tembaga itu akan berlubang?

Sejumlah ahli bahasa menyakini bahawa Yakjuj dan Makjuj adalah orang-orang China. Yakjuj dan Makjuj , menurut lughah, ada yang menyebut isim musytaq (memiliki akar kata dari bahasa Arab) berasal dari ajaja an-nar ertinya jilatan api. Menurut Abu hatim , Makjuj berasal dari maja, iaitu kekacauan. Makjuj berasal dari mu'juj, iaitu malaja. Namun, menurut pendapat yang sah, Yakjuj dan Makjuj bukan isim musytaq, melainkan isim 'ajam dan laqab (julukan).

GLOSARI ADAT

NEGERI SEMBILAN

ORANG EMPAT ISTANA

Jawatan tertinggi bagi anggota yang tidak berdarah raja di istana Seri Menanti. Jemaah ini terdiri daripada empat orang Datuk Lembaga. Mereka bertanggungjawab tentang hal adat istiadat di istana. Mereka ialah Datuk Seri Amar Diraja (suku Batu Hampar Ayer Kaki yang jernih, Datuk Raja Diwangsa (suku Batu Hampar Ayer Kaki yang jernih, Datuk Penghulu Dagang (suku Tanah Datar (Tedatar) Ayer Kaki Yamtuan, Datuk Akhir Zaman Tanah Datar (Tedatar) Ayer Kaki Yamtuan. Lihat juga lingkungan air kaki orang empat istana.

Rujukan : Buku Glosari Adat Negeri Sembilan-Rujukan Lengkap Negeri Beradat

6 | MAJLIS JALINAN MESRA AIDILFITRI
PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI SEMBILAN



15 Mei 2023- Majlis Jalanan Mesra Aidilfitri Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan telah berlangsung dengan jayanya di Perpustakaan Negeri, Seremban 2. Majlis yang penuh warna-warni ini turut diserikan dengan kehadiran YAB Dato'Seri Haji Aminuddin bin Harun, Menteri Besar Negeri Sembilan dan YABhg. Datin Seri Hajah Wan Hasni binti Wan Yusof, Yang di-Pertua BAKRIYAH Negeri Sembilan. Majlis ini turut dimeriahkan lagi dengan kehadiran barisan EXCO Kerajaan Negeri Sembilan, Ketua-Ketua Jabatan Peringkat Negeri dan Persekutuan. Semua warga kerja PPANS telah bekerjasama dan memberikan komitmen yang padu dalam merancang dan melaksanakan persiapan majlis dengan sangat baik. Turut dianjurkan Pertandingan Hiasan Gerai Terbaik yang telah disertai oleh semua unit dan perpustakaan mengikut zon. Tujuan majlis ini diadakan adalah bagi mengeratkan lagi hubungan silaturrahim antara ketua jabatan di peringkat negeri dan persekutuan serta sebagai ruang bagi sesi ramah mesra bersama warga kerja Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan dan semua jempunan.





8 | PROGRAM JOM BACA UNTUK 10 MINIT DAN DEKAD MEMBACA KEBANGSAAN PERINGKAT NEGERI SEMBILAN 2023



18 Mei 2023 - Program Jom Baca Bersama Untuk 10 Minit merupakan program anjuran Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan (PPANS) dan Majlis Pengarah-Pengarah Perpustakaan Awam Se-Malaysia (MPAM) dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri, Negeri Sembilan. Program ini berlangsung secara serentak di seluruh negara pada jam 11.00 hingga 11.10 pagi dengan konsep berhenti seketika dari melakukan apa jua pekerjaan dan aktiviti untuk membaca apa jua jenis bahan bacaan selama 10 minit. Program ini merupakan salah satu usaha mendorong rakyat Malaysia membudayakan tabiat membaca, dimulai dengan pendekatan membaca selama 10 minit sebagai tanda komitmen semua pihak terhadap kepentingan membaca dalam kehidupan dan seterusnya menjadikan rakyat Malaysia berilmu bertaraf dunia.

Majlis telah dilancarkan oleh YABhg. Datin Seri Hajah Wan Hasni binti Wan Yusof, Yang di-Pertua BAKRIYAH Negeri Sembilan. Turut hadir sama, YB Puan Mary Josephine Pritam Singh, Ahli Lembaga Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan merangkap ADUN Rahang, YBhg. Puan Hajah Jamilah binti Haji Katis, Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan, BAKRIYAH Negeri Sembilan, Encik Mohd Wazir bin Hamzah, Timbalan Pengarah Sektor Pembelajaran, Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan, Encik Mohd Aiman bin Abdoll Aziz, Ketua Penolong Pengarah Sektor Sumber Teknologi Pendidikan Negeri Sembilan, ketua-ketua Jabatan dan Wakil Jabatan, Pengetua Sekolah, Guru Besar serta para pelajar sekolah di sekitar Negeri Sembilan.



9 | PROGRAM SAMBUTAN HARI ALAM SEKITAR

28 Mei 2023- Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan (JAS) telah mengadakan program sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia (WED) Peringkat Negeri Sembilan Tahun 2023 yang bertempat di Perpustakaan Negeri, Seremban 2. Program kerjasama antara Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan (JAS) bersama Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan (PPANS), Summit 2 Private School dan Hospital Columbia Asia dan Cenviro Sdn. Bhd ini telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Tuan Veerapan A/L Superamiam, Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Kesihatan, Alam Sekitar, Koperasi dan Kepenggunaan. Turut hadir sama, Yang Berusaha Encik Hamzah bin Mohamad, Pengarah Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan, Yang Dihormati Dr. Dinesh A/L Sivalingam, Ketua Pegawai Eksekutif Summit 2 Private School, Miss Alice Chong, General Manager of Columbia Asia Hospital Seremban dan Encik Wan Azrizul Azad Zainal Abidin, General Manager Cenviro Sdn. Bhd. Program ini merupakan salah satu usaha menyampaikan maklumat dan kesedaran tentang kepentingan pemeliharaan dan pemuliharaan bumi dalam kalangan masyarakat. Antara isu yang diketengahkan adalah tentang pembakaran terbuka dan cuaca panas yang sedang melanda negara ketika ini. Selain itu, program ini juga memberi kesedaran kepada orang ramai tentang kepentingan pengurusan sisa buangan elektrik dan elektronik (e-waste) secara mesra alam. Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan berterima kasih dan amat berbesar hati menjadi tuan rumah bagi menjayakan program ini.



FESTIVAL BAHASA DAN SASTERA PERINGKAT NEGERI SEMBILAN
ANJURAN DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA (DBP) DENGAN KERJASAMA
PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI SEMBILAN (PPANS)



14 Jun 2023 - Bahasa dianggap sebagai alat komunikasi, pembina budaya, dan pandangan alam seseorang. Seseorang perlu memberi keutamaan kepadabahasa dan budaya atau sastera bangsanya. Bahasa Melayu mempunyai nilai sastera yang istimewa.

Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dengan kerjasama Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan (PPANS) telah mengadakan Festival Bahasa dan Sastera Peringkat Negeri Sembilan yang telah diadakan di Perpustakaan Negeri, Seremban 2. Program telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Fadhlina binti Sidek, Menteri Pendidikan Malaysia.

Turut hadir sama, Yang Berbahagia Dato' Haji Pkharuddin bin Haji Ghazali, Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia Kementerian Pendidikan, Yang Berbahagia Tuan Haji Md. Johari bin Hassan, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar) Dewan Bahasa dan Pustaka, Yang Berbahagia Dato' Rozzita binti Sulaiman, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan) Pejabat SUKNS, Yang Berusaha Tuan Haji Mohd Salahuddin bin Dato' Paduka Mohamed, Pengarah Jabatan Pengembangan Bahasa Sastera, Dewan Bahasa dan Pustaka, Yang Berbahagia Encik Mohd Wazir bin Hamzah, Timbalan Pengarah Pendidikan Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan, Yang Berusaha Puan Hajah Jamilah @ Chumila binti Haji Katis, Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan, dan Ketua-Ketua Jabatan dan wakil Ketua Jabatan Persekutuan dan Negeri.

Pelbagai aktiviti telah diadakan dalam program tersebut, antaranya Persembahan Dendangan Syair, Gurindam dan lagu oleh Fauziah Gambus, nyanyian nasyid oleh pelajar SMK Agama Sheikh Haji Mohd Said, Bual Muzikal "*Kalau tidak dipecahkan ruyung..*", "*Bahasa dan Sastera Pemangkin Inonasi*" dan "*Menulis Terapi Jiwa*" bersama Puan Hajah Mahaya Mohd Yassin, Sasterawan Negeri Sembilan dan pendeklamasian sajak dari SMK Seremban Jaya 2 serta persembahan Tarian Tradisional dari pelajar Kolej Tunku Kursiah.



11 | FESTIVAL BAHASA DAN SASTERA PERINGKAT NEGERI SEMBILAN

FESTIVAL BAHASA DAN SASTERA PERINGKAT NEGERI SEMBILAN ANJURAN DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA (DBP) DENGAN KERJASAMA PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI SEMBILAN (PPANS)



Pesta Buku Negeri Sembilan telah berlangsung selama 4 hari bermula 6 hingga 9 Julai 2023 di Mydin Mall, Seremban 2. Majlis telah dirasmikan oleh YAB Dato' Seri Haji Aminuddin bin Harun, Menteri Besar Negeri Sembilan. Turut hadir memeriahkan majlis, YBhg. Dato' Muhamad Nahar bin Mohd Sidek, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan), Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Sembilan, Ketua-Ketua Jabatan dan Wakil Ketua Jabatan Negeri dan Persekutuan, Yang Berusaha Puan Hajah Jamilah @ Chumila binti Haji Katis, Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan, Pengetua dan Guru Besar sekolah dan Guru-Guru serta pihak pempamer buku yang menyertai pameran. Selain itu, pelancaran buku turut diadakan dalam majlis perasmian tersebut. Tiga buah buku telah dilancarkan iaitu hasil tulisan Yang Berbahagia Dato' Haji Md. Fiah bin Md Jamin, Mantan Pengarah Pendidikan Negeri, Negeri Sembilan yang bertajuk *Bingkisan Buat Teman dan Hadiah Terindah Buat Teman* manakala sebuah lagi buku ditulis oleh Puan Hajah Mahaya binti Mohd Yassin, Sasterawan Negeri Sembilan yang berjudul *Harum Bunga Syurga*.

Pelbagai aktiviti dijalankan sepanjang tempoh Pesta Buku Negeri Sembilan 2023 berlangsung. Antaranya, pameran dan Pertandingan *e-Sports* yang dibawa khas oleh PPANS berserta pelbagai aktiviti menarik, *Drawing Workshop* 'bersama Uneh Raja Pensil Warna Malaysia, *Stream Exploration*', Malam Irama Qasidah, Teater Kanak-kanak SK Taman Tasik Jaya, *Kids Reporter Talent*, Rilek Santai bersama Penulis iaitu Puan Suffiah binti Muhamad, Pertandingan Irama Melayu, *Smile: Dental Programme*, *Exploria* dan *Battle of The Buskers*. Pameran daripada beberapa jabatan kerajaan iaitu Syarikat Air Negeri Sembilan (SAINS), Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), Pejabat Mufti Negeri Sembilan dan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp).

Pada hari terakhir penganjuran Pesta Buku, turut diadakan program kerjasama bersama Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) iaitu Bual Santai Asal Sampai yang bertajuk Ilmu Jalan Kekayaan oleh Bell Ngasri, pelakon dan selebriti sebagai Moderator, Imam Muda Asyraf selaku Panel, Ustaz Zamri bin Ahmad Suhaimi, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Kutipan Zakat dan diakhir program diserikan dengan persembahan nyanyian oleh Kumpulan Nasyid In-Team. Selain itu, acara yang dinanti-nantikan oleh semua iaitu slot penampilan khas oleh Upin Ipin beserta cabutan bertuah kepada pembeli buku yang bertuah. Cabutan bertuah tersebut telah dibuat oleh tetamu khas iaitu YABhg. Datin Seri Hajah Wan Hasni binti Wan Yusof, Yang di-Pertua BAKRIYAH NS. Turut hadir bersama, YB Puan Nicole Tan Lee Koon, Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Hal Ehwal Wanita, Keluarga dan Kebajikan, Yang Berusaha Puan Hajah Jamilah @ Chumila binti Haji Katis, Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan dan YBhg. Datin Siti Zunaizan binti Sallip, Ketua Biro PUSPANITA Cawangan Negeri Sembilan.





DRAWING WORKSHOP BERSAMA UNEH RAJA PENSIL WARNA MALAYSIA



STREAM EXPLORATION



MALAM IRAMA QASIDAH



MAJLIS PERASMIAN PESTA BUKU NEGERI SEMBILAN 2023



TEATER KANAK-KANAK OLEH SEKOLAH KEBANGSAAN TAMAN TASIK JAYA, SENAWANG



KIDS REPORTER TALENT



RILEK SANTAI BERSAMA PUAN SUFIAH BINTI MUHAMAD, PENULIS



PERTANDINGAN TARIAN RAMPAIAN TRADISIONAL



PERTANDINGAN IRAMA MELAYU



SMILE : DENTAL PROGRAMME



BUAL SANTAI ASAL SAMPAI: ILMU JALAN KEKAYAAN



PENAMPILAN ISTIMEWA BERSAMA UPIN DAN IPIN DAN CABUTAN BERTUAH
PESTA BUKU NEGERI SEMBILAN 2023



BATTLE OF THE BUSKERS

Kepentingan utama kemahiran membaca menjadi amalan masyarakat adalah kerana ia merupakan satu jambatan kepada ilmu dan pengetahuan. Amalan membaca dapat menambahbaik penguasaan dan kefahaman bahasa yang dibaca. Bagi memastikan setiap generasi berkembang dengan ilmu dan pengetahuan yang terbaik, Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan (PPANS) khususnya, giat mempromosikan pembudayaan pembacaan sebagai kunci kepada penyebaran ilmu dan pengetahuan.





18 | PEMIMPIN BERSAMA RAKYAT



2 MEI 2023

MENGHADIRI MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN (MBS)



18 MEI 2023

MAJLIS PECAH TANAH TAPAK PERUSAHAAN SYARIKAT MAHSURI FOOD SDN BHD DI ENSTEK



27 MEI 2023

SAMBUTAN HARI ANTIDADAH 2023 PERINGKAT NEGERI SEMBILAN DAN KARNIVAL MEGA BELIAWANIS MPKK DUN SERI MENANTI DI STADIUM BOLA NGOCA, KUALA PILAH.



9 JUN 2023

MAJLIS PERASMIAN PERPATIH FEST DI PEKARANGAN MUZIUM NEGERI SEMBILAN

19 | PEMIMPIN BERSAMA RAKYAT



18 JUN 2023

MELANCARKAN PROJEK KAWASAN PERINDUSTRIAN KELISA MEWAH, SUNGAI GADUT.



26 JUN 2023

MERASMIKAN PENTAS TERBUKA DAN WIFI PERCUMA DATARAN KUALA PILAH SERTA
MERASMIKAN PILAH GATEWAY, KUALA PILAH



13 JULAI 2023

MERAIKAN PELAJAR YANG MEMPEROLEH KEPUTUSAN CEMERLANG STPM NEGERI SEMBILAN
SESI 2022 DI KOLEJ TINGKATAN 6, FOREST HEIGHTS, SEREMBAN



20 JULAI 2023

MERASMIKAN MAJLIS PECAH TANAH CADANGAN BAGI PEMBINAAN MASJID BARU
DI TAMAN BUKIT KEPAYANG, SEREMBAN

20 | PEMIMPIN BERSAMA RAKYAT



27 JULAI 2023

MERASMIKAN MAJLIS PELANCARAN KIBAR JALUR GEMILANG PERINGKAT NEGERI SEMBILAN TAHUN 2023
DI DEWAN THEATRETTE, WISMA NEGERI SEREMBAN



28 JULAI 2023

MAJLIS APRESIASI GURU-GURU NEGERI SEMBILAN TAHUN 2023
DI DEWAN MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN (MBS)



14 OGOS 2023

MENCEMAR DULI KE ISTIADAT PELANTIKAN DAN MENGANGKAT SUMPAAH
MENTERI BESAR NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS DI ISTANA BESAR SRI MENANTI



27 OGOS 2023

MERASMIKAN CABARAN SOPIT BIRU DI PANGKALAN NELAYAN SUNGAI TIMUN, RANTAU